

ورتا فرنشن Warta Penerangan

OKTOBER 2019



مقرنکلنک اقليکاسي موده اليه جابتن فراغن

Memperkenalkan

Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
 - Pelaksanaan Yang **Cepat** Dan **Mudah**
 - Menjurus Ke Arah **Paperless** Dan **Green IT**


Gunakanlah Aplikasi Kami!

'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'

Dapatkan aplikasi dan muat turun di

Available on the
App Store

GET IT ON
Google Play



DI MANAKAH AWDA BOLEH MENDAPATKAN NASKHAH PELITA BRUNEI ?

DAERAH BRUNEI DAN MUARA

- Ibu Pejabat Jabatan Penerangan (Drive-thru & Kaunter)
- Rimba Point, Tasek Rimba
- Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei
- Hospital RIPAS (Pesakit Luar dan Pusat Kesihatan Wanita & Kanak-kanak)
- Pusat Kesihatan PAPHMWHB, Kg. Rimba, Gadong
- Pusat Kesihatan Berakas, Lambak Kanan
- Pusat Kesihatan Muara
- Pusat Kesihatan Jubli Emas Perpindahan Kg. Bunut
- Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong
- Pusat Kesihatan Pengkalan Batu
- Pusat Kesihatan PAPHRSB, Sungai Asam
- Stesen Minyak KOPPMB Jln Menglait
- Stesen Minyak GADONG Jln Gadong
- Stesen Minyak SHAHRYZA Kg. Perpindahan Bunut
- Stesen Minyak TASAMUL Kg. Lumapas B
- Stesen Minyak BEBATIK Kg. Bebatik
- Stesen Minyak KUPB Kg. Jangsak
- Stesen Minyak AMANAH Kg. Kilanas
- Stesen Minyak BADAN TANMIAH Kg. Kuala Lurah
- Stesen Minyak MAR'AZMALA Jln Jerudong
- Stesen Minyak SATENAGA Kg. Tanjung Nangka
- Stesen Minyak MASJORY Kg. Sengkurong
- Stesen Minyak MABOHAL Jln Kebangsaan
- Stesen Minyak PERSATUAN TIBA Kg. Salambigar
- Stesen Minyak KOPERASI ITM Kg. Mentiri
- Stesen Minyak PENGALAYAN Kg. Pengalayan
- Stesen Minyak DYK MASNI Pekan Muara
- Stesen Minyak TAIB Kg. Pancha Delima
- Stesen Minyak BERAKAS Jln Pasir Berakas
- Stesen Minyak IBA Kg. Lambak Kanan
- Stesen Minyak TUMASEK Jln Tutong
- Stesen Minyak TAIB Kompleks Perindustrian Beribi II

DAERAH TUTONG

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Tutong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
- Petani Mall
- Hospital PMMPMHAMB
- Pusat Kesihatan Kg. Sungai Kelugos
- Pusat Kesihatan Lamunin
- Pusat Kesihatan Telisai
- Stesen Minyak KOPERASI KG.KERIAM Kg. Keriam
- Stesen Minyak PHA BAKAR BIN JAMBOL Kg. Suran
- Stesen Minyak KODRAT Kg. Lamunin
- Stesen Minyak KOPEKLAP Kg. Lubok Pulau

DAERAH BELAIT

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Belait (Seria)
- Pusat Kegiatan Warga Emas
- Plaza Seria
- Hospital Suri Seri Begawan
- Pusat Kesihatan Sungai Liang
- Stesen Minyak LUMUT Kg. Sungai Bakong
- Stesen Minyak ROXANA Seria
- Stesen Minyak SAPAKAT Jln Setia Negara
- Stesen Minyak SPM KB Jln Panglima

DAERAH TEMBURONG

- Pejabat Cawangan Penerangan Daerah Temburong (Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan)
- Terminal Perahu Tambang
- Kompleks Utama Bumiputra
- Hospital PIHM
- Stesen Minyak NEGALANG Kg. Negalang



InfoDeptBN

Jika naskhabah Pelita Brunei telah habis, awda juga boleh melayari e-paper Pelita Brunei melalui aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan dengan muat turun InfoDeptBN.





**Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penashiat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras, Penyemak & Reka Letak
Unit Penerbitan Melayu
dan Unit Seni Grafik

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan

• • • • • • •

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.



NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Isi Kandungan

Isi Kandungan	Muka
PPDB juara Kejohanan Futsal	5
Program Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran ibu bapa	6-7
Kongsi amalan terbaik hal ehwal media Brunei-China	8
Belia perlu berdikari majukan diri	9-10
Program Perkampungan Sivik labuh tirai	10-11
Kongsi dapatan hasil perkampungan sivik	12
Dalami konsep MIB, Perintah Kanun Syariah	13
Pupuk keharmonian jaga kebersihan alam sekitar	14
Peserta PSLI dekati JAIN dan RTB	15
Ketahui tatacara temu duga	16
Timba pengalaman, teknik terkini pertanian	16-17
Peserta Perkampungan dalami fungsi, peranan JKDN	17-18
SR Delima Satu dekati Jabatan Penerangan	18
Manfaatkan kemudahan Jabatan Penerangan	19
Pastikan perkhidmatan terus relevan	20
Bertugas di luar negara	21
Papan Maklumat Penerangan	18

PPDB juara Kejohanan Futsal

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad bergambar ramai bersama pemain-pemain.

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 Oktober. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) muncul juara setelah berjaya menewaskan Pasukan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) yang terpaksa akur di tempat kedua dengan jaringan penalti, 1-0 pada Kejohanan Futsal Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-67 yang diadakan di Dewan Gerak Badan, Bolkiah Garison.

Sementara itu, pasukan dari Jabatan Penyelidikan Brunei meraih tempat ketiga setelah berjaya menewaskan Jabatan Kehakiman Negara dengan jaringan, 2-1.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad dan pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad menyampaikan piala kepada Ketua Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) selaku juara kejohanan.

Pasukan-pasukan yang menyertai kejohanan kali ini dibahagikan kepada empat kumpulan yang berentap pada sesi pagi dan petang, yang diadakan pada minggu sebelumnya bagi menentukan kelayakan ke pusingan separuh akhir.

Di sepanjang kejohanan tersebut, sebanyak 19 pasukan mengambil bahagian, antaranya terdiri daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM); PPDB; Jabatan Radio dan Televisyen Brunei; Jabatan Kehakiman Negara; Biro Kawalan Narkotik; Rakan Media; dan tuan rumah, Jabatan Penerangan.

Kejohanan tersebut diadakan bertujuan untuk mengeratkan silaturahim di antara para pemain yang melibatkan pasukan dari jabatan-jabatan di bawah JPM bersama pihak media kerajaan dan swasta, di samping mengamalkan aktiviti ke arah gaya hidup sihat melalui bersukan.



TURUT hadir menyaksikan kejohanan ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Program Awasi Anak Kitani tingkatkan kesedaran ibu bapa

Berita dan Foto: Muhammad Akmal Haji Ali



HADIR selaku tetamu kehormat, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo.

TEMBURONG, Khamis, 24 Oktober. - Seramai 49 orang terdiri daripada penduduk Mukim Amo menghadiri Program Awasi Anak Kitani bagi Mukim Amo anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Cawangan Penerangan

Daerah Temburong dengan kerjasama Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Syarikat Information Technology Protective Security Services (ITPSS) Sendirian Berhad yang berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks

Dewan Kemasyarakatan, Pekan Bangar Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat program tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo.

Juga hadir ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku Pengerusi Program, Ketua Kampung Amo, Awang Ujan anak Muit, Pemangku Ketua Kampung Selangan, Sibulu, Parit dan Biang Menengah, Awang Haji Bahrun bin Haji Talib, Pemangku Ketua Kampung Sibut, Awang Norhasmin bin Kassim, Pemangku Ketua Kampung Sumbiling, Awang Haji Suhaili bin Haji Badas serta pegawai-pegawai dan kakitangan dari Jabatan Penerangan.

Acara dimulakan dengan bacaan zikir Sayyidul Istighfar, bacaan Surah Al-Fatiyah dan doa selamat yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Selangan, Mukim Amo, Awang Mahdini bin Kamis.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan program tersebut merupakan salah satu objektif Jabatan Penerangan untuk menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar rakyat dan penduduk memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat dan pameran.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu yang juga Penghulu Mukim Bokok dan Pemangku Penghulu Mukim Amo menyaksikan pameran dari salah sebuah jabatan yang terlibat.

Soalan 2
bantuan Keselamatan
negeri ditubuhkan?



TIMBALAN Ketua Cawangan JKDN Daerah Temburong, Haji IbnuSinna bin Haji Hassan menyampaikan taklimat mengenai tugas, tanggungjawab serta isu-isu keselamatan dalam negeri.

Beliau seterusnya menjelaskan program tersebut adalah satu aktiviti tahunan Jabatan Penerangan yang dirancang untuk diadakan di mukim-mukim seluruh negara secara berterusan di keempat-empat daerah.

Antara tajuk taklimat yang diisikan dalam program berkenaan ialah Taklimat I: Pencegahan Dari Gejala Penggunaan Dadah dan Aktiviti Tidak Sihat dari Biro Kawalan Narkotik yang disampaikan oleh Pegawai Narkotik Kanan, Haji Zulhamazi bin Hamid; Taklimat II: Tugas dan Tanggungjawab Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Isu-isu Keselamatan Dalam Negeri di Bawah Pantauannya yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Cawangan JKDN, Daerah Temburong, Haji IbnuSinna bin Haji Hassan; Taklimat III: Menjaga Anak-anak Anda Selamat Dalam Talian Keeping your Children Safe Online oleh Syarikat Information Technology Protective Security Services (ITPSS) Sendirian Berhad yang disampaikan oleh Security Analyst, Ida Frida binti Abu.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk menambah serta meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pencegahan dan mengawal anak masing-masing daripada penyalahgunaan dan perangkap dadah serta isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri.

Melalui program ini diharap semua anggota masyarakat terutama ibu bapa atau penjaga untuk terus mempunyai sikap positif dan bertanggungjawab dan tidak hanya mengharapkan pihak yang berkuasa sahaja, sentiasa berbincang dengan anak-anak agar dapat menjalinkan hubungan baik antara keluarga, masyarakat dan orang ramai.



PARA penduduk Mukim Amo yang hadir pada Program Awasi Anak Kitani.



Kongsi amalan terbaik hal ehwal media Brunei-China

Berita: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



GAMBAR ramai Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini bersama perwakilan media tempatan dan Timbalan Pengarah Bahagian Penerangan dan Perhubungan Awam ASEAN-China Centre (ACC), Wang Zhiqian dan rombongan.

JABATAN Penerangan sebagai salah sebuah jabatan yang turut berperanan mengendalikan Pusat Media dan Sekretariat Media bagi acara-acara peringkat negara/kebangsaan dan antarabangsa turut mendapat perhatian dari media antarabangsa.

Sehubungan itu, pada hari Isnin, 21 Oktober 2019 jabatan ini menerima rombongan seramai 12 ahli media dari Republik Rakyat China terdiri dari empat pegawai dan lapan orang wartawan bagi mengadakan perjumpaan dengan media-media tempatan.

Rombongan tersebut berada di negara ini bagi mengadakan lawatan serta perjumpaan bersama agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab ke atas urusan hal ehwal luar negara dan media yang diketuai oleh Setiausaha Agung ACC, Tuan Yang Terutama Chen Dehai bermula 20 hingga 23 Oktober.

Mengetui rombongan media dari republik berkenaan pada perjumpaan yang berlangsung di Bilik Persidangan Aras II, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan ialah Timbalan



PERTEMUAN para perwakilan media tempatan bersama anggota media dari Republik Rakyat China.



Pengarah Bahagian Penerangan dan Perhubungan Awam ASEAN-China Centre (ACC), Wang Zhiqian sementara Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir bagi mengetui media-media tempatan.

Lawatan rombongan tersebut merupakan salah satu aktiviti yang telah diluluskan oleh ACC Joint Council.

Pada perjumpaan yang diakhiri dengan sesi dialog itu, para

perwakilan media dari kedua buah negara membincangkan usaha-usaha untuk terus mewujudkan kerjasama dan persefahaman di samping mengongsikan amalan-amalan terbaik berkaitan hal ehwal media.

Hubungan Brunei-China sudah wujud sejak sekian lama di mana kedua belah pihak terus menikmati hubungan kerjasama dua hala dan persahabatan yang erat daripada pengembalaan penduduk kedua-dua negara melalui Laluan Sutera pada zaman dahulu.

Belia perlu berdikari majukan diri

Oleh: Saerah Haji Abdul Ghani
Foto: Mohammad Hatral Hazmi Haji Awang Abdul Hamid



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman antara ahli panel forum yang diundang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Oktober. - 'Individu yang berdikari akan menjadikannya lebih matang' merupakan kata-kata semangat yang dikongsikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman semasa Forum Kesukarelawan yang diselajurkan Sesi Dialog bagi Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah.

"Perjalanan dalam mencapai kejayaan ada kalanya naik turun. Namun sesetengah belia ada yang belum merasakan itu, kerana masih berada di zon selesa yang belum memaksa mereka untuk keluar dari zon berkenaan," ujar Yang Berhormat pada sesi dialog yang berlangsung di Bilik Serbaguna, Restoran Tarindak D'Seni, Bangunan Pusat Kesenian dan Kraf Tangan Brunei.

Justeru, tambah Yang Berhormat, para belia kita perlu ada sifat berdikari serta berusaha untuk mengambil peluang-peluang yang ada untuk memajukan diri.

SEKALUNG PENGHARGAAN

SELURUH warga Jabatan Penerangan mera kama n setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, yang telah bersara wajib pada 13 Oktober 2019 atas jasa bakti yang telah beliau curahkan selama lebih 38 tahun berkhidmat di Jabatan Penerangan.



Beliau mula berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Penerangan pada 14 September 1981. Pada 1 Julai 1988, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Perhubungan Awam dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Penerangan pada 1 Mei 1997.

Pada 8 Februari 2010, beliau dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Penerangan Kanan dan jawatan terakhir yang dipegang ialah sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengongsikan pengalaman dan pencapaian sehingga menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara serta perjalanan dalam menempuh cabaran-cabaran yang dihadapi.

Sementara itu, kegagalan bukan menjadi penghalang bagi Pengarah Eksekutif Syarikat Seri Pekatan Sdn. Bhd., Dayang Hajah Monasalieana @ Suzie binti Haji Mohd. Salleh, untuk menjadi seseorang yang berjaya, kerana melalui kegagalan itu dapat menjadikannya lebih berdikari dan tabah dalam mencapai kejayaan.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah yang hadir pada forum dan sesi dialog tersebut.



Belia perlu berdikari majukan diri (sambungan)

Dayang Hajah Monasalieana yang telah menerima Anugerah Belia Cemerlang baru-baru ini seterusnya berkata, sebagai belia, kita hendaklah tidak jauh ketinggalan dan sentiasa merebut peluang yang ada.

Melalui perkongsianya, Dayang Hajah Monasalieana yang juga selaku Presiden Malam Minggu Pusat Belia, menjelaskan pengalamannya dalam mencapai kejayaan yang dibekalkan dengan sifat tabah sebagai kuncinya walaupun ada kalanya sering jatuh, namun beliau tetap bangkit semula meneruskan perjalannnya.

Beliau turut berkongsi perkara-perkara yang menjadi inspirasi dalam kehidupannya.

Manakala Penasihat Projek dan Pengasas Bersama Bina Ukhwah dan Pengasas Bersama ByFeed, Pengiran Haji Ahmad Fadillah Akhbar bin Pengiran Haji Sellahuddin juga berkongsi pengalaman-

pengalaman yang pernah beliau ceburi, iaitu bidang kesukarelawan, termasuk menjadi Presiden Pembimbing Rakan Sebaya serta cabaran-cabaran yang beliau hadapi dalam menubuhkan Persatuan Bina Ukhwah.

Lebih 36 orang yang terdiri dari lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara berpeluang mendengarkan sesi dialog tersebut.

Sesi dialog ini bertujuan untuk menggalakkan para peserta untuk bermotivasi, di samping memberikan semangat untuk menceburi bidang kesukarelawan.

Juga hadir pada sesi dialog itu, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Timbalan Pengurus Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Ketiga, Tahun 2019.

Program Perkampungan Sivik labuh tirai

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Azmah Haji Ahad



TETAMU kehormat menyampaikan sijil kepada para peserta Program Perkampungan Sivik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Oktober. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga, Tahun 2019 melabuh tirainya dengan majlis penutup program tersebut yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Sukan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS),

Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim dalam ucapan penutupnya antara lain berkata, program tersebut bertujuan untuk mempersiapkan para peserta program dengan nilai-nilai murni dan pendidikan akhlak juga pembangunan jati diri bagi menghadapi senario dan cabaran kehidupan yang sentiasa berubah.



GAMBAR ramai tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebeliaan dan Sukan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Kolonel (B) Pengiran Haji Maiddin bin Pengiran Haji Said bersama para peserta program.

Awang Haji Shahrul Jeffri selaku Pengurus Program berkenaan seterusnya menambah, belia yang diperlukan ialah belia yang aktif yang ligat dan giat ‘mengisi’ waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebajikan, meningkatkan daya saing bagi menghadapi pelbagai cabaran zaman sekarang.

Jelasnya lagi, ke arah belia berkualiti, perlulah mempunyai strategi membentuk kewibawaan diri.

“Alhamdulillah, Program Perkampungan Sivik yang dikendalikan sejak 1976 ini dihasratkan untuk membantu peserta program membentuk strategi ini. Selama enam hari

lima malam, peserta berpeluang untuk mengikuti sesi aktiviti seperti *Team Building OBBD* agar dapat meningkatkan kepimpinan dan menggalakkan komunikasi dengan peserta yang lain demi mengajar cara bekerjasama dalam berpasukan. Dengan adanya platform seperti ini, para belia akan lebih kreatif lagi memperkasa jati diri masing-masing,” ujarnya lagi.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil kepada Pembentang Terbaik, iaitu Dayang Ain’nul Qamarina binti Ibrahim dan Kumpulan Pembentang Terbaik, iaitu Kumpulan Optimis yang menyampaikan taklimat bertajuk ‘Keusahawanan Belia’.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Dayang Ain’nul Qamarina antara lain berkata, melalui program tersebut, ia telah dapat memberikan maklumat-maklumat terkini mengenai perkembangan di Negara Brunei Darussalam, khususnya di sektor-sektor kerajaan, termasuk juga di sektor-sektor swasta.

Graduan lepasan ijazah dari Asia Pacific University, Malaysia itu seterusnya menambah, dengan mengikuti program bermanfaat seumpama itu dan menerusi taklimat-taklimat yang diberikan juga berguna bagi mereka yang akan menempuh fasa mencari kerja, termasuk temu duga, ujian bertulis dan sebagainya.

Menurutnya lagi, program tersebut menjadi platform yang sangat berguna, terutama kepada mereka yang menamatkan pengajian mahupun mereka yang ingin meningkatkan diri sendiri dari segi kemahiran atau pengetahuan umum mengenai Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut, Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Timbalan Pengurus Program tersebut; pegawai-pegawai KKBS, pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan; serta Ahli-ahli Jawatankuasa Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Ketiga, Tahun 2019.



GRADUAN lepasan ijazah dari Asia Pacific UNIVERSITY, Malaysia Dayang Ain’nul Qamarina pembentang terbaik dalam program tersebut.

Kongsi dapatan hasil Perkampungan Sivik

Berita dan Foto: Saerah Haji Abdul Ghani



TURUT hadir, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Ketiga.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Oktober. - Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah memberi ruang kepada para pesertanya untuk mengongsikan idea serta dapatan-dapatan yang diperoleh dari aktiviti perkampungan tersebut melalui Sesi Persembahan Taklimat Berkumpulan.

Persembahan Taklimat Berkumpulan juga dapat meningkatkan kefahaman mereka melalui perkongsian yang mereka peroleh melalui lawatan serta taklimat-taklimat di sepanjang perkampungan dijalankan.

Juga hadir pada persembahan taklimat yang berlangsung di Pusat Belia, di ibu negara, ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Awang Haji Shahrul Jeffri bin Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Kali Ketiga, Tahun 2019 dan Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya selaku Timbalan Pengerusi Program Perkampungan Sivik tersebut.

Para peserta perkampungan dibahagikan kepada lima kumpulan, iaitu Kumpulan Belia Peneraju Bangsa yang membawakan tajuk taklimat ‘Wawasan 2035’; Kumpulan Nex Gen dengan tajuk taklimat ‘Pertanian’; Kumpulan Qowiy Gen dengan tajuk taklimat ‘Melayu Islam Beraja’; Kumpulan Belia Ksatria Sukma Indera dengan tajuk taklimat ‘Kesukarelawan’ dan Kumpulan Belia Optimis dengan tajuk taklimat ‘Keusahawanan Belia’.

Pemenang Pembentangan Terbaik dan Pembentang Terbaik dipilih pada akhir sesi persembahan berkenaan.



PARA peserta Perkampungan Sivik mendengarkan idea daripada aktiviti sepanjang Perkampungan Sivik tersebut.

Dalami konsep MIB, Perintah Kanun Syariah

Berita dan Foto: Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Oktober. - Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) adalah kesepaduan yang lengkap sebagai lunas kepada keutuhan dan kesinambungan berbangsa, bernegara, beragama dan berpemerintahan beraja.

Budaya Melayu, ajaran-ajaran Islam dan pemerintahan beraja yang berdaulat telah diamalkan secara turun temurun sejak Awang Alak Betatar memeluk agama Islam pada tahun 1368H.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Penolong Profesor, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Dr. Khairul Rijal bin Pengiran Haji Abdul Rahim semasa memberikan taklimat mengenai MIB pada Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 anjuran Jabatan Penerangan bertempat di auditorium jabatan berkennaan.

Menurut Pengiran Dr. Khairul Rijal, berdasarkan Wawasan Brunei 2035, MIB merupakan acuan yang akan membentuk dan mewarnai apa jua kemajuan dan pembangunan yang akan dicapai, untuk kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat bagi kelangsungan pemerintahan beraja di negara ini.

“Fokus diberikan kepada sejarah kewujudan pemerintahan beraja, sebagaimana yang telah dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984, untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara MIB yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli



TIMBALAN Pendakwa Syar'ie, Awang Nizam Sumardani bin Haji Talip dan Pemangku Ketua Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Hadiyati binti Haji Abdul Hadi menyampaikan taklimat masing-masing.

Sunah Waljamaah,” tambahnya.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa tujuan MIB menjadi konsep negara ialah untuk terus memupuk, memelihara dan mengekalkan identiti bangsa, pegangan berugama dan juga pemerintahan beraja.

Program kemudiannya diteruskan dengan Taklimat Perintah Kanun Jenayah Syariah yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pendakwa Syar'ie, Dayang Hajah Hadiyati bin Haji Abdul Hadi.

Dayang Hajah Hadiyati yang antara lain mengetengahkan fasa pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah, kepada siapa perintah ini dilaksanakan, pengenalan kesalahan-kesalahan, jenis-jenis hukuman dan kesalahan-kesalahan am.

Seramai 36 peserta terdiri dari lepasan-lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara menyertai program tersebut iaitu 5 peserta lelaki dan 31 peserta perempuan.

Perkampungan Sivik merupakan satu projek yang dilaksanakan melalui strategi kerja jabatan iaitu ‘Komunikasi Bersemuka’ selaras dengan visi jabatan, sebagai salah sebuah agensi peneraju kerajaan dalam menyampaikan dan membarigakan maklumat rasmi kerajaan.



PESERTA-PESERTA Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah hadir mendengarkan taklimat di Auditorium Jabatan Penerangan.

Pupuk keharmonian jaga kebersihan alam sekitar

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Oktober. - Kolaborasi Kempen Kebersihan antara peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun dan para penduduk sekitarnya sekali gus mencerminkan jalinan ukhuwah yang erat.

Bukan itu sahaja, kerjasama dalam menjaga suasana yang bersih itu juga memupuk keharmonian demi menjaga kebersihan dan mendidik masyarakat untuk hidup dalam persekitaran yang lebih sihat.

Kempen yang dijalankan di kawasan letak kereta dan pekarangan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun, berjaya mengumpul sampah sarap sebanyak kira-kira 20 beg plastik sampah.

Turut hadir, Pemangku Penghulu Mukim Sungai Kebun, Awang Haji Asli bin Haji Mamut.

Selain itu, ke arah sama-sama memupuk sifat bantu-membantu, Jabatan Penerangan dan para peserta program berkenaan juga berkesempatan mewakafkan barang elektrik dan keperluan yang lain kepada pihak masjid.

Menyampaikan barang wakaf tersebut ialah Pemangku Pegawai Pentadbir, Jabatan Penerangan, Awang Mohd. Hisyam bin Idris dan salah seorang peserta program kepada Ketua Imam Masjid Al-Muhtadee Billah, Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussein.

Awang Haji Abu Samah Shukri ketika ditemui antara



PEMANGKU Pegawai Pentadbir, Jabatan Penerangan, Awang Mohd. Hisyam bin Idris menyampaikan barang wakaf kepada Ketua Imam Masjid Al-Muhtadee Billah.

lain meluahkan penghargaan terima kasih kepada Jabatan Penerangan dan para peserta program, atas sumbangan yang diberikan dan juga kepada para penduduk yang sama-sama melibatkan diri dalam kerja khidmat kemasyarakatan ini.

Doanya, semoga usaha murni seumpama ini akan memperoleh ganjaran pahala yang berlipat ganda dan kita semua sentiasa sepakat bersatu hati dan hidup dalam keberkatan dan harmoni.



PARA peserta program semasa mengendalikan kerja-kerja sukarela membersihkan pekarangan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.



GAMBAR ramai para peserta program semasa mengendalikan Kempen Kebersihan di kawasan letak kereta dan pekarangan Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun.

Peserta PSLI dekati JAIN dan RTB

Oleh: Haniza Abdul Latif
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Oktober. - Para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 meneruskan lagi Program Perkampungan Sivik dengan mengadakan lawatan ke beberapa buah institusi kerajaan di ibu negara pada hari keempat program tersebut dijalankan.

Para peserta mula-mula membuat lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) dan mendengarkan taklimat bertajuk ‘Terasul dan Bahasa Pengganti Diri Bahasa Dalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, JAIN, Awang Md. Zaizul bin Haji Daud.

Antara yang dikongsikan termasuk bagaimana terasul diletakkan pada pangkal nama, sebagai memuliakan dan memberi penghormatan kepada seseorang.

Terasul juga jelasnya, hanya sesuai digunakan dalam satu situasi atau keadaan rasmi atau formal seperti dalam persuratan dan majlis-majlis keraian, baik yang beristiadat mahupun biasa dan memudahkan untuk mengetahui pengganti diri ketika berbicara dengan orang-orang tertentu.

Seterusnya, para peserta membuat lawatan ke Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Ketua Seksyen Perhubungan Korporat, Awang Md. Mahdi bin Haji Md. Yassin.

Para peserta antara lain didedahkan mengenai sejarah dan latar belakang penubuhan Jabatan RTB, visi dan misi serta matlamat RTB bagi menghubungkan rakyat dan memperkenalkan Brunei Darussalam kepada dunia.



ATUR CARA program Perkampungan Sivik diselitkan dengan taklimat mengenai ‘Terasul dan Bahasa Pengganti Diri Bahasa Dalam’.

Turut dikongsikan ialah mengenai penubuhan rangkaian-rangkaian radio dan saluran-saluran televisyen yang terdapat di Jabatan RTB dan pemindahan sistem analog ke sistem digital serta peluang-peluang untuk menceburi bidang penyampai berita dan juruhebah.

Peserta seterusnya dibawa melawat ke rangkaian-rangkaian radio yang terdapat di Jabatan RTB dan seterusnya diberikan penerangan tentang penggunaan alat-alat untuk juruhebah ke udara.

Juruhebah-juruhebah juga mengongsikan tujuan setiap rangkaian kepada para pelawat.

Para peserta seterusnya dibawa melawat ke Bahagian Berita (*News Centre*) dan diberikan penerangan oleh Penolong Ketua Penyunting Berita dan Hal Ehwal Semasa, Dayang Hajah Masnah binti Haji Abdul Hamid.

Dayang Hajah Masnah antara lain menerangkan mengenai tatacara dan garis panduan yang terdapat di Bahagian Berita secara terperinci dan juga hasil produk-produk berita yang dikeluarkan oleh Bahagian Berita.



SEKITAR lawatan para peserta program ke Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB).

Ketahui tatacara temu duga

Berita dan Foto: Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Selasa, 1 Oktober. - JobCentre Brunei mengadakan sesi taklimat mengenai tatacara temu duga kepada para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019, diadakan di Auditorium Jabatan Penerangan.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Sumber Manusia dari Unit Dasar Perancangan Tenaga Manusia, JobCentre Brunei, Dayang Zuriah binti Zabidi, antara lain mengongsikan mengenai objektif pusat berkenaan, iaitu sebagai *One-Stop Career Centre* bagi pencari kerja tempatan dan majikan di sektor swasta.

Di samping itu katanya, pusat itu juga menyediakan pelbagai perkhidmatan pekerjaan dan latihan berkaitan untuk pencari kerja juga pekerja tempatan dan perniagaan.

"Perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh



PEGAWAI Sumber Manusia dari Unit Dasar Perancangan Tenaga Manusia, JobCentre Brunei, Dayang Zuriah binti Zabidi, antara lain mengongsikan mengenai objektif JobCentre.

JobCentre Brunei ialah online platform; pemadanan kerja; bimbingan kerjaya; latihan dan kursus; sesi temu duga; dan jerayawara," jelas beliau.

Seramai 36 peserta terdiri daripada para lepasan ijazah daripada institusi-institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara mengikuti Program Perkampungan Sivik dari 29 September hingga 4 Oktober.



PARA peserta mendengarkan taklimat mengenai tatacara temu duga.

Timba pengalaman, teknik terkini pertanian

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

KILANAS, Selasa, 1 Oktober. - Para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 meneruskan aktiviti mereka hari ini dengan Lawatan ke Perusahaan RZ Prisma.

Semasa lawatan itu, para peserta mendengarkan taklimat mengenai kaedah menanam tumbuhan dalam

rumah hijau yang tidak memerlukan penggunaan tanah, iaitu hidroponik disampaikan oleh Eksekutif Pemasaran RZ Prisma, Dayang Huwaida Khairah Munawwarah binti Haji Abdul Wahab.

Para peserta juga berpeluang menyaksikan kaedah tanaman dengan menggunakan sistem hidroponik dan melawat ke ladang asparagus, milik perusahaan berkenaan.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 mendengarkan penerangan yang disampaikan oleh wakil daripada Perusahaan RZ Prisma.



PARA peserta semasa mengadakan lawatan ke Perusahaan RZ Prisma.

RZ Prisma merupakan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), milik tempatan sepenuhnya dan mula ditubuhkan pada tahun 2017.

Perusahaan tersebut pada masa ini menjalankan operasi sistem hidroponik berpalang moden dalam rumah hijau dan sasarannya adalah untuk menghasilkan 80 tan metrik sayur-sayuran dan buah-buahan bermutu tinggi sehektar setiap tahun.



Antara tanaman yang dihasilkan perusahaan berkenaan adalah selada pelbagai jenis, termasuk *Green Oak Butterhead*, *Lettuce*, *Red Coral*, *Cos Romain* dan *Frillice Iceberg*.

RZ Prisma merancang untuk menghasilkan tanaman seperti tomato, timun Jepun, tembakai susu (*Honeydew*) dan herba-herba menggunakan kaedah perladangan moden pada masa akan datang.

Peserta perkampungan dalam fungsi, peranan JKDN

Oleh: Haniza Abdul Latif

Foto: Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Oktober. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 diteruskan lagi pada hari kelima dengan Sesi Taklimat Keselamatan Dalam Negeri diadakan di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Semasa sesi tersebut, para peserta didedahkan mengenai fungsi dan peranan daripada Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), termasuk

penjelasan mengenai jabatan berkenaan dalam menangani ancaman yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman negara.

Turut dikongsikan, tayangan video mengenai sejarah juga latar belakang JKDN dan cawangan-cawangan jabatan tersebut juga penubuhannya.

Selain itu, taklimat turut mengongsikan kejayaan JKDN dalam menangani percubaan menceroboh keselamatan negara.

Peserta Perkampungan dalam fungsi, peranan JKDN (sambungan)



PESERTA-PESERTA program Perkampungan Sivik mendengarkan taklimat mengenai Jabatan Keselamatan Dalam Negeri.

Para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Ketiga 2019 juga diberikan peluang untuk mengutarakan soalan-soalan berkaitan dengan JKDN.

Pada akhir taklimat tersebut, para peserta juga didedahkan dengan pameran mini daripada JKDN.

SR Delima Satu dekati Jabatan Penerangan

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Oktober. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri menerima lawatan daripada rombongan Sekolah Rendah Delima Satu.

Rombongan seramai 41 murid serta lima guru pengawas itu diketuai oleh Pegawai Pendidikan, Dayang Halizah binti Aliakbar.

Terdahulu, rombongan diberikan taklimat mengenai struktur organisasi dan strategi-strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu visi, misi, objektif dan tiga strategi kerja Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat mengenai kerajaan kepada penduduk di negara ini dengan mengadakan komunikasi bersemuka, pengedaran atau pembarigaan bahan-bahan terbitan.

Taklimat yang diadakan di Bilik Persidangan, Aras II, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan itu disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrain.

Diikuti dengan tayangan klip video Jabatan Penerangan dan video klip Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDeptBN.

Acara diteruskan dengan sesi soal jawab, bergambar ramai dan seterusnya menyaksikan pameran Jabatan Penerangan dan mengadakan lawatan ke Pusat Rujukan Penerangan, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik serta Bahagian Pelita Brunei.

Lawatan bertujuan untuk menambah ilmu pengetahuan murid-murid mengenai fungsi Jabatan Penerangan di Negara Brunei Darussalam.



MURID-MURID Sekolah Rendah Delima Satu mendengarkan penerangan daripada Penolong Pegawai Foto Tingkat I, Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor/Morshidi (kiri) sementara gambar kanan murid-murid menyaksikan buku-buku terbitan di Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Manfaatkan kemudahan Jabatan Penerangan

Berita dan Foto: Unit Penerbitan Melayu



ROMBONGAN pelajar dari Sekolah Rendah Delima Satu semasa menyaksikan proses reka letak di Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik (kiri) serta Pusat Rujukan Jabatan Penerangan (kanan).

JABATAN Penerangan dalam usahanya untuk merealisasikan visinya sebagai salah sebuah agensi peneraju dalam pembarigaan maklumat rasmi berteraskan Melayu Islam Beraja di samping motonya ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’ terus menerima kunjungan pelawat dari pelbagai pihak termasuk sekolah-sekolah menengah dan rendah di negara ini.

Semasa menerima rombongan pelawat dari Sekolah Rendah Delima Satu, Pegawai Pendidikan sekolah berkenaan, Dayang Halizah binti Aliakbar, selaku ketua rombongan ketika ditemui pada Selasa, 22 Oktober berkata lawatan bertujuan untuk mendedahkan serta memperluaskan pengetahuan pelajar, mengenai fungsi dan peranan jabatan ini.

Jelasnya, lawatan juga diharap dapat memperkayakan minda pelajar untuk dapatkan bagi mengendalikan projek/kajian pembelajaran bahasa Melayu. Jabatan ini menurutnya telah

berhasil menaik taraf imejnya keluar negara melalui media sosial dan berharap akan meneruskan usaha memperkenalkan identiti budaya Brunei ke seluruh dunia.

Menyentuh mengenai hasil sepanjang lawatan, beliau berkata maklumat yang diperolehi adalah bernes dan padat yang juga boleh didapati melalui teknologi canggih di hujung jari.

Beliau juga berharap agar guru-guru serta murid-murid dapat memanfaatkan kemudahan-kemudahan yang diusahakan oleh jabatan ini dengan sebaiknya, melalui media-media sosial jabatan yang lain seperti aplikasi mudah alih, *Facebook*, *IG*, *Twitter* dan sebagainya termasuk hard copy akhbar rasmi kerajaan Pelita

Brunei.

Apabila ditanya mengenai cadangan-cadangan pemberian, beliau berharap jabatan ini dapat mempelbagaikan pengisian, lawatan seperti mengadakan aktiviti-aktiviti sekolah yang bersesuaian termasuk soalan kuiz, serta *hands on* aktiviti berkaitan hal ehwal Jabatan Penerangan.

Dua orang pelajar, Md. Syahmi Madhi bin Matali dan Nur Syazwani binti Norsham ketika ditemui masing-masing melahirkan rasa gembira kerana dapat memperolehi maklumat mengenai perkembangan jabatan serta pengetahuan baharu dan berguna khususnya pengetahuan berkaitan hal ehwal semasa dalam kerajaan.



PEGAWAI Pendidikan Sekolah Rendah Delima Satu, Dayang Halizah binti Aliakbar serta murid-murid sekolah tersebut, Md. Syahmi Madhi bin Matali dan Nur Syazwani binti Norsham ketika ditemui.

Pastikan perkhidmatan terus relevan

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto: Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR BEGAWAN, Seri Selasa, 8 Oktober. - Seramai 28 pelajar Tahun 5 daripada Sekolah Rendah Tutong Kem mengadakan lawatan sambil belajar ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, di Berakas.

Rombongan disertai oleh empat orang guru yang diketuai oleh Penolong Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hafidzahmuti binti Haji Zaini.

Mengalau-alukan ketibaan rombongan ialah para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Terdahulu, rombongan diberikan taklimat mengenai struktur organisasi dan strategi-strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu visi, misi, objektif dan tiga strategi kerja Jabatan Penerangan dalam menyampaikan maklumat mengenai kerajaan kepada penduduk di negara ini dengan mengadakan komunikasi bersemuka, pengedaran atau pembarigayaan bahan-bahan terbitan.

Taklimat yang diadakan di Bilik Persidangan, Bangunan Tambahan Jabatan Penerangan itu disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Rombongan juga berpeluang menyaksikan tayangan klip-klip video Ristaan Sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-65 Tahun dan Aplikasi Mudah Alih Jabatan



GAMBAR ramai rombongan pelawat dari Sekolah Rendah Tutong Kem semasa melawat Unit Fotografi sementara gambar bawah rombongan mendengarkan taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin.



Penerangan InfoDeptBN.

Lawatan diakhiri dengan sesi soal jawab, bergambar ramai dan seterusnya melawat ke Bahagian Pelita Brunei, Unit Fotografi dan Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik.

Antara tujuan lawatan ialah untuk memberikan pengetahuan mengenai peranan, fungsi dan mekanisme Jabatan Penerangan dalam membarigakan maklumat dan mengetahui impak sosial informasi dan media pada masa ini.

Jabatan Penerangan yang dahulunya dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan ditubuhkan pada 1 April 1952.

Antara peranan utama Jabatan Penerangan adalah sebagai lidah dan telinga kerajaan dalam

menyampaikan maklumat dan berita mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan dan mendengar isu-isu terkini serta memahami agenda media massa selaras dengan moto jabatan, ‘Membudayakan Masyarakat Bermaklumat’.

Untuk memastikan perkhidmatan jabatan terus relevan dan terkini, media baharu seperti Aplikasi Mudah Alih Jabatan Penerangan InfoDeptBN, media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter serta e-paper Pelita Brunei juga digunakan sepenuhnya dalam penyebaran maklumat lebih berkesan dan dapat menjangkau lebih ramai pengguna.

Jabatan ini juga turut memuat naik bahan-bahan terbitan ke laman sesawang bagi memudahkan orang ramai membaca dan membuat rujukan.

Bertugas di luar negara

Berita: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Jabatan Penerangan



PARA pegawai dan petugas mendengarkan penerangan bagi kelancaran Upacara Pelantikan Rasmi Presiden Indonesia Ke-8.

JABATAN Penerangan sebagai salah sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat tidak menumpukan perkhidmatannya di dalam negara sahaja, malahan pegawai-pegawai dari jabatan ini turut melaksanakan tugas yang diberikan di luar negara mengikut keperluan dari masa ke semasa.

Pada bulan Oktober sahaja, empat orang pegawai dari Unit Fotografi Jabatan Penerangan telah ditugaskan bagi membuat liputan acara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke luar negara masing-masing ke Republik Indonesia dan Jepun.



KETUA Unit Fotografi, Awang Mohammad Azmi bin Awang Damit (kiri) semasa bertugas di Tokyo, Jepun.

Ketua Unit Fotografi, Mohammad Azmi bin Awang Damit bersama Mohd. Zul-Izzi bin Haji Duraman telah ditugaskan membuat liputan keberangkatan Kebawah DYMM menghadiri Isitadat Pertabalan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun yang berlangsung di Imperial Palace Tokyo pada hari Selasa, 22 Oktober 2019.

Terdahulu dua Jurufoto jabatan ini, Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah dan Muhammad Asri bin Haji Awang Abas telah ditugaskan bagi membuat liputan keberangkatan Kebawah DYMM ke Republik Indonesia bagi menghadiri Upacara Pelantikan Rasmi Presiden Indonesia Ke-8, Tuan Yang Terutama Joko Widodo yang berlangsung pada hari Ahad, 20 Oktober 2019.

Papan Maklumat Penerangan

Berita: Unit Penerbitan Melayu
Foto: Cawangan Penerangan Daerah Belait

DALAM usaha Jabatan Penerangan untuk terus membudayakan masyarakat bermaklumat, masyarakat di pedalaman juga tidak ketinggalan untuk mendapat saluran maklumat dan berita terkini mengenai perkembangan Negara Brunei Darussalam.

Sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, berita dan hasrat kerajaan kepada penduduk-penduduk kampung yang tinggal di kawasan

pedalaman yang kurang mendapat pendedahan mengenai maklumat-maklumat semasa, Jabatan Penerangan menempatkan satu sudut bermaklumat di Rumah Besar Sukang dan Rumah Panjang Julangan Kasih Kampung Melilas yang turut dilengkapi dengan papan-papan maklumat.

Papan maklumat berkenaan dikhurasukan untuk membarigakan maklumat-maklumat berkaitan isu-isu semasa untuk tatapan orang ramai seperti cetakan Pelita

Brunei.

Turut disediakan ialah sudut bacaan mini yang dilengkapi dengan buku-buku terbitan Jabatan Penerangan seperti Warta Penerangan dan sebagainya. Papan Maklumat Penerangan ini disediakan di rumah-rumah panjang Ulu Belait sejak tahun 2017.

Usaha ini mendapat sambutan baik daripada penduduk kampung yang jauh di pedalaman dalam mendapatkan maklumat-maklumat terkini mengenai inisiatif-inisiatif yang diungkayahkan oleh pihak kerajaan melalui kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan di samping dapat mengetahui program-program terkini yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Adalah diharapkan kemudahan seumpama ini dapat digunakan dengan sebaiknya oleh masyarakat setempat sebagai bahan rujukan bagi penduduk yang tinggal jauh di pedalaman.



PAPAN maklumat Jabatan Penerangan yang ditempatkan di Rumah Panjang Julangan Kasih Kampung Melilas.





جوالن بوکوا تریتین جابتون قزعن

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

DAPATKAN SEKARANG!

HIMPUNAN TITAH



BRUNEI TODAY



Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
1990 - 1991	\$8.00
2009	\$6.00
2010	\$11.50
2011	\$12.00
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00
2017	\$5.00
2018	\$11.00

HIMPUNAN SABDA



Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00
2017	\$3.00
2018	\$7.00

HALUAN



Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015	\$10.00
2016	\$12.50
2017	\$8.50

BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU



Tahun	Harga
2015 - 2017	\$11.50
2018	\$5.00
2019	\$7.00

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



Harga
\$3.50



Harga
\$4.00



Harga
\$3.50

KOMPILASI
SABDA ANAKANDA
2011-2016

BRUNEI-MUARA
DISTRICT

BELAIT
DISTRICT

TUTONG
DISTRICT

TEMBURONG
DISTRICT

**CAWANGAN
DAERAH TEMBURONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 5221342

**CAWANGAN
DAERAH TUTONG**
BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 4220290

**CAWANGAN
DAERAH BELAIT**
PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
TALIAN : 3224636

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>

<http://www.information.gov.bn>

<http://www.pelitabrunei.gov.bn>

<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn



infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.
Tel : 2383400 Faks : 2382242**